

FOTO: HAIRUL ANUAR ABD RAHIM, KAMARUL HAKIM BAKHATIR, IZHARI ARIFFIN

PENDUDUK taman memakai topeng muka ketika melakukan senaman di Taman Merdeka di Johor Bahru.

Harian metro
26/9/2015
mls 21



Johor Bahru

Penyakit berkaitan jerebu meningkat

Pemantauan penyakit berkaitan jerebu yang dilakukan di empat klinik kesihatan di seluruh Johor menunjukkan peningkatan 7.8 hingga 28 peratus sejak awal bulan ini hingga semalam berbanding Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri Datuk Dr Mohd Khairi Yakub berkata, antara penyakit yang dipantau termasuk 'Upper Respiratory Tract' (URTI) atau iritasi saluran pernafasan, asma dan sakit mata.

Menurut beliau, antara klinik terbabit dalam pemantauan itu ialah Klinik Kesihatan Bandar Penawar di Kota Tinggi, Klinik Kesihatan Larkin di Johor Bahru, Klinik Kesihatan Pasir Gudang dan Klinik Kesihatan Bandar Maharani di Muar.

"Menerusi pemantauan, laporan diserahkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor setiap minggu sekali gus membantu kerajaan mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

Kuching

Kebakaran hutan makin serius

Cuaca berjerebu di Semenanjung terutama di Johor dijangka berlanjutan sehingga awal bulan depan berikutan kebakaran hutan yang semakin serius di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihak berkuasa negara jiran itu sedaya upaya menyelesaikan masalah berkenaan termasuk mengerahkan anggota tentera bagi memadamkan kebakaran, namun belum

ada perkembangan positif. "Sejak beberapa hari lalu, angin bertiup ke arah selatan (Semenanjung) menyebabkan beberapa kawasan di Johor dilanda jerebu dengan IPU merekodkan bacaan melepasi paras tidak sihat.

"Saya turut dimaklumkan keadaan di negara jiran (Singapura) turut kritikal hari ini (semalam) apabila IPU di sana mencatatkan bacaan 200 iaitu paras sangat tidak sihat hingga memaksa sekolah ditutup atas faktor kesihatan," katanya.